

# 'Anugerah buat ibu, ayah'

>>Oleh Mohd Amin Jalil  
am@hmetro.com.my

**N**ILAI: "Anugerah ini saya tujukan buat ibu dan ayah yang selama ini banyak berkorban serta penyarah yang tidak jemu memberikan bimbingan," kata Amira Ahmad Ajazi, penerima Anugerah Pelajaran Diraja, sempena Konvokesyen Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) ke-10 di Stadium Tertutup Nilai, di sini, semalam.

Graduan Sarjana Muda Pengajian al-Quran dan Sunnah berusia 24 tahun itu berkata, dia tidak menyangka menerima anugerah tertinggi itu tetapi bersyukur usahanya selama mengikuti pengajian di Usim membuahkan hasil.

Katanya, tiada resipi khusus menjadi amalannya dalam mencapai kejayaan itu kecuali fokus 100 peratus kepada kuliah, ikhlas dalam segala perbuatan selain sentiasa menjaga hubungan antara



FOTO | Amirul Nubli Wan Ahmad

MESRA...Dr Muhamad (tengah) beramah mesra bersama pelajar Usim, semalam.

manusia dan Allah SWT.

"Saya bersyukur usaha selama ini membuahkan hasil apabila menerima anugerah ini dan sememangnya ia tidak disangka kerana persa-

ingan sengit dari kalangan pelajar lain. Namun ia sesuatu yang amat mengembirakan kerana menjadi cita-cita sebaik melangkah kaki ke universiti ini," katanya.

Anak sulung lima beradik berasal dari Kajang, Selangor berkata, tanggapan sesetengah pihak bahawa aktif dalam kurikulum boleh membataskan seseorang pelajar men-

capai keputusan baik dalam pelajaran adalah salah.

Beliau yang aktif berperaturan pernah menjawat jawatan Timbalan Setiausaha Agung Perwakilan Mahasiswa Usim selain aktif kegiatan khidmat masyarakat termasuk sebagai fasilitator dalam program Bakti Hufaz di Kemboja.

"Saya bercadang meneruskan pengajian ke peringkat sarjana dan seterusnya menabur bakti kepada anak bangsa melalui pendidikan," katanya.

Seorang lagi graduan yang menerima anugerah berkenaan, Nurul Hayati Chamhuri, 25, berkata kejayaan dicapai itu hasil kerja keras dan sokongan ahli keluarga selain penyarah Usim.

Graduan Sarjana Muda Perubatan dan Bedah Berasat dari Kuala Lumpur itu berhasrat mengintegrasikan nilai Islam dalam perubatan.

"Saya berhasrat meluaskan lagi pengalaman dan mengi-

kuti program doktor pakar kanak-kanak selain menabur bakti kepada pelbagai lapisan masyarakat khususnya melalui kerjaya kedoktoran dengan menerapkan nilai Islam dalam kerjaya," katanya yang kini bertugas sebagai Pegawai Perubatan Pelatih di Hospital Sultan Haji Ahmad Shah, Temerloh.

Mereka menerima anugerah berkenaan daripada Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan yang juga Canselor Usim, Tuanku Aishah Rohani Tengku Besar Mahmud dan turut berangkat mencemar duli ialah Tunku Besar Seri Menanti, Tunku Ali Redhauddin Tunku Muhriz, yang turut diisytiharkan sebagai Pro-Canselor Usim.

Hadir sama Pengerusi Lembaga Pengarah Usim, Profesor Emeritus Tan Sri Dr Abdul Shukor Husin; Naib Canselor Usim, Prof Datuk Dr Muhamad Muda dan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan.